

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
SRI PERDANA, KUALA LUMPUR(K.L)
MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN HARI RAYA KEPADA PASUKAN
KESELAMATAN
02 MAC 1993**

Saya ingin memanjatkan ucapan kesyukuran kepada hadrat Ilahi terlebih dahulu kerana limpah rahmat dan kesejahteraan yang dikurniakan kepada kita untuk sekali lagi berkumpul untuk Majlis tahunan ini iaitu Majlis Penyampaian Bungkusan Hari Raya bagi Pasukan Keselamatan Negara. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati usaha kita ini dan menyampaikan juga kesejahteraan dan perlindunganNya kepada setiap penerima bungkusan ini.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu kehormat kita dari kedua-
kedua Pasukan Angkatan Tentera dan Angkatan Polis yang sudi menerima bungkusan-
bungkusan ini.

3. Pada tahun ini bungkusan-bungkusan ini disediakan lebih awal daripada tahun-tahun
yang lampau dengan tujuan pihak Tentera dan Polis dapat mengagih-agihkan
bungkusan ini kepada kawasan-kawasan yang tertentu dengan sumbangan-
sumbangan pihak lain.

4. Dimaklumkan juga bahawa maklum balas yang diterima daripada Pasukan
Keselamatan pada tahun 1992 amat mengalakkan. Lebih 15,000 (90 peratus)
borang penilaian dikembalikan menyata puashati mereka menerima bungkusan-
bungkusan BAKTI yang berisi rendang, sambal tumis, kuah sate dan beras dalam
keadaan baik. Oleh kerana itu, BAKTI membungkus bahan-bahan yang sama tahun
ini dengan harapan diterima dengan keadaan yang baik.

5. Satu perkara yang ganjil daripada borang jawapan penilaian adalah pesanan
daripada Pasukan Keselamatan bahawa "sila beri kami pelikat yang lebih baik mutunya"
dan "sila beri rokok Benson & Hedges dan tidak yang diberi itu". Mungkin rokok itu
jenis biasa. BAKTI tidak membungkus kain pelikat, jauh sekali rokok. Oleh itu, pihak
yang berkenaan haraplah ambil perhatian atas komen-komen yang BAKTI terima
itu.

6. Bilangan bungkusan tahun ini meningkat kepada 21,500, iaitu 3,500 lebih pada
tahun lalu. 4,500 bungkusan dikhaskan untuk Angkatan Polis dan 17,000 untuk
Angkatan Tentera. Kini Pasukan Keselamatan kita bertugas di kawasan sempadan dan
lantaran negara untuk menjaga tanah air dan rakyat kita. Syukur alhamdulillah dengan
kerana tugas-tugas dan pengorbanan mereka inilah tanah air kita yang tercinta ini berada
di dalam aman damai. Juga, negara kita tidak dilanda oleh malapetaka atau bencana
alam seperti di negara- negara lain. Keadaan ekonomi dan pembangunan ditiap-tiap
negeri adalah pesat dan meningkat. Inilah yang perlu dipelihara oleh bukan sahaja
Pasukan Keselamatan, bahkan Raja-raja dan semua rakyat dalam negara. Mungkin

ramai yang tidak insaf dan bersyukur tentang keadaan kita kini. Elok juga saya cadangkan mereka ikut Pasukan Keselamatan kita ke negara-negara lain yang ditugaskan, untuk melihat dan membandingkan keadaan di sana dan keadaan di tanah air kita yang aman dan makmur ini.

7. Sekarang negara Malaysia terkenal sebagai negara yang mempunyai rakyat yang berdisiplin, bukan sahaja Pasukan Keselamatannya, bahkan rakyat biasa pun dipuji. Pasukan Keselamatan terkenal seluruh dunia sebagai Angkatan yang boleh menjalankan tugas-tugas yang dikehendaki oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Kini mereka dikehendaki bertugas di bawah bendera Bangsa-bangsa Bersatu sebagai Pasukan Keamanan di Kemboja UNTAC serta negara yang masih lagi tidak aman; akan pula ke Somalia, UNSOM dan mungkin ke Bosnia Herzegovina jika perlu. Ini tidak kira yang masih ada lagi di Iran, Iraq dan di Namibia. Sungguhpun dibawah Bangsa-bangsa Bersatu, nama Malaysia dijunjung dengan megah dan mulia. Kita turut berasa megah dan bangga dan mendoakan di mana jua destinasi mereka baik di dalam negara atau luar negara, mereka dipeliharakan oleh Allah S.W.T. dan selamat berlepas dan selamat kembali ke tanahair nanti, ke pangkuan keluarga. Syukur kepada Ilahi pasukan pertama ke Kemboja telahpun selamat pulang. Begitulah hendaknya yang lain-lain kelak, insya-Allah.

8. Kepada para isteri dan anak-anak pasukan keselamatan negara yang tidak akan bersama dengan suami dan bapa, abang, tunang dan sebagainya. BAKTI menghulurkan salam dan doa semoga mereka jua dalam keadaan selamat sejahtera dan bersabar menunggu kepulangan mereka yang pergi bertugas.

9. Mungkin tuan-tuan dan puan-puan ingin tahu golongan mana rakyat biasa Malaysia yang sama dipuji kerana berdisiplin di luar negeri. Tanyalah orang-orang di Bahrain, Oman, Bangladesh dan Pakistan. Mereka puji jemaah haji Malaysia kerana lemah lembut dan berdisiplin menunaikan fardu haji hingga mereka ingin tahu cara-cara apa yang Malaysia ikuti untuk melahirkan jemaah yang lembut dan berdisiplin itu.

10. Inilah, para hadirin, yang membanggakan kita dan oleh itulah kita perlu berinsaf, bersyukur dan berusaha supaya nama baik bangsa dan negara Malaysia sentiasa harum dan mekar.

11. Kepada tetamu-tetamu kehormat yang sudi hadir pada pagi ini, dan ahli-ahli BAKTI yang datang bergiliran memeriksa mutu bahan-bahan makanan sejak kelmarin lagi, saya ucapkan berbanyak terima kasih. Ucapan penghargaan tinggi saya tujukan kepada Kapten Rosli dan pasukannya yang bersama-sama dengan ahli BAKTI bertugas pada kelmarin jua. Kepada Encik Zakaria, Pengurus Jualan Dewina Marketing Sdn. Bhd., diucapkan terima kasih kerana mencetak siap ucapan Selamat Hari Raya dan nama BAKTI di atas katon-katon. Ini memudahkan tugas-tugas ahli dalam projek ini.

12. Akhirnya, bagi pihak BAKTI saya ucapkan selamat bersara kepada Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Mohd. Yaacob bin Mohd Zain dn Puan Sri dan jua selamat berpuasa

dan Selamat Hari raya Aidilfitri kepada para hadirin yang saya hormati. Semoga Allah S.W.T. memberkati usaha kita ini, insya-Allah.